

TEKS UCPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
JABATAN ARKIB NEGARA, KUALA LUMPUR
MAJLIS PERASMIAN PAMERAN BAKTI
22 JULAI 1992

Yang Amat Berbahagia Tun Suhaila bt Tan Sri Mohd Noah, Pengasas BAKTI;
Yang Berbahagia Dato Zakiah Hanum, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia; Dif-dif
Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah rahmat dan izinNya dapat kita bersama- sama di dalam majlis pada pagi ini. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur dan juga Arkib Negara yang telah memberi penghargaan kepada saya untuk menyampaikan ucapan di majlis ini dan seterusnya merasmikan pameran yang diadakan.

2. Saya berbangga kerana melalui usaha yang dijalankan oleh pihak Arkib Negara, kita berjaya mengadakan pameran bertemakan "15 tahun BAKTI - Bersatu, Berjasa, Berbakti".

3. Adalah tepat pada masanya pameran ini diadakan untuk kita mengimbas kembali sejarah dan kenangan manis BAKTI sejak 15 tahun yang lepas, dan sesuai pula dengan tempatnya di Arkib Negara ini kerana di sini terkumpul dan terpeliharanya warisan sejarah negara dan saya percaya termasuk juga bahan-bahan mengenai BAKTI.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Sejarah BAKTI bermula sejak tahun 1977 lagi atas daya usaha yang dijalankan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Suhaila. Ia ditubuhkan atas kesedaran bahawa isteri pemimpin-pemimpin negara perlu menghulurkan khidmat bakti bagi kepentingan rakyat dan negara, bersatu tenaga dan bekerjasama di bawah satu badan yang boleh berusaha menjalankan kerja-kerja kebajikan di samping mempererat lagi perpaduan antara ahli-ahlinya. Semenjak itu, BAKTI telah banyak berkembang dan telah memainkan peranan yang penting untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik, tanpa mengira kaum, bangsa dan agama.

5. Pameran BAKTI pada hari ini saya percaya memaparkan kejayaan-kejayaannya dalam pelbagai aktiviti yang lepas dan daripada pameran ini kita sama-sama berpeluang merenung kembali peranan dan sumbangan BAKTI kepada masyarakat dan negara. Kita beruntung dalam pelbagai segi dan kita mempunyai keupayaan dan peluang untuk berjasa dan berbakti dengan lebih gigih dan tekun lagi. Kita hidup dalam negara yang membangun pesat dan rakyat yang berbilang kaum hidup dalam rukun damai dan harmoni. Kita mesti terus bekerjasama dan menyumbang tenaga

dengan lebih bersemangat dan secara tidak langsung membantu Kerajaan dalam mewujudkan satu negara yang maju dan bermaruah.

6. Adalah menjadi harapan saya semoga BAKTI mempunyai sejarah yang cemerlang yang berterusan dan berkekalan dan sekiranya bahan-bahan mengenainya tersimpan di Arkib Negara ianya dapat dijadikan teladan dan dicontohi oleh semua pihak.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Sebagai mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Arkib Negara kerana telah berusaha untuk menjayakan pameran ini.

8. Dengan kata-kata ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Pameran "15 tahun BAKTI - Bersatu, Berjasa, Berbakti".

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh